

BAB V

KERAJAAN NEGERI - KERAJAAN PERSEKUTUAN

I) Perbandingan Dengan Kerajaan Persekutuan

Tiap-tiap negeri di Malaysia ini mempunyai undang-undang Islamnya yang tersendiri. Perjanjian tahun 1895 antara Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan British telah meletakkan kekuasaan khas baginda dalam hal-hal Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Walaupun Perlembagaan Tanah Melayu tahun 1957 dan telah dipinda beberapa kali semenjak menjadi Malaysia menyebut bahawa Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan tetapi pada pelaksanaannya ia bukanlah hak mutlak kerajaan Persekutuan.¹ Jika dikirakan, keseluruhan undang-undang yang terdapat dan dipakai oleh masyarakat Malaysia sekarang adalah dibawah kekuasaan Kerajaan Persekutuan. Sebaliknya undang-undang Islam (berkait dengan tafsiran Ugama Islam) adalah hak kerajaan negeri dan hak ini tidak boleh disentuh.

Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Ugama dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diistiharkan oleh Perlembagaan negeri itu, segala hak keistimewaan, kedaulatan dan kuasa yang dinikmatinya tidaklah

1. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1).

tersentuh atau cacat berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.² Namun demikian Majlis Raja-raja mempunyai pengaruh sedikit dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara (termasuk undang-undang Islam) yang telah diper-setujui oleh Majlis dimana meliputi seluruh Persekutuan, maka Raja atau Sultan akan melepaskan hak tersebut kepada Yang Di Pertuan Agong sebagai wakilnya. Cuma Majlis Raja-raja sahaja dalam bentuk tugas yang diper-setujui bersama boleh membentuk undang-undang Islam (bersabit dengan Ugama Islam) untuk pemakaian seluruh orang-orang Islam di Persekutuan.³

Undang-undang dibuat oleh Parlimen dalam semua perkara kecuali mengenai perkara-perkara yang disebutkan di dalam Senarai Negeri. Menurut perkara 76(2), tiada undang-undang boleh dibuat mengenai apa-apa perkara berhubung dengan hukum syarak atau adat istiadat Melayu, tanpa diminta fikiran daripada kerajaan negeri yang berkenaan. Atas alasan-alasan seperti inilah kenapa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam tidak dapat menjalankan fungsi-fungsi dengan begitu berkesan sekali. Walaupun pada dasarnya Majlis itu ditubuhkan dengan harapan;

"Satu lagi perkara penting akan dilaksanakan tidak lama lagi untuk faedah Ugama Islam dinegeri ini, iaitu pembentukan sebuah pejabat khas bagi hal ehwal Ugama Islam diperingkat Perse'tuan."⁴

2. Ibid, perkara 3(2), hal. 20.

3. Ibid, perkara 38(7), Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong, contoh: boleh mentauliahkan seseorang itu menjadi mualigh/pendakwah dalam hal keugamaan seperti yang biasa diberi kepada guru ugama tertua.

Nampaknya harapan itu tinggal harapan sahaja dalam banyak hal terutama hal undang-undang.

Perbezaan kuasa undang-undang ini menerbitkan berbagai-bagai masalah diperingkat hubungan antara negeri dan negara. Umapamanya, penghantar saman atau waran tangkap tidak berkuatkuasa diluar kekuasaan daerah Kadi atau Kadi Besar bagi sesebuah negeri. Atas kesulitan ini maka satu Perjanjian Timbal Balik telah diadakan antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia termasuk juga Singapura. Dengan perjanjian ini Kadi boleh mengeluarkan saman atau waran menangkap serta menyerahkan orang-orang yang bersalah itu kepada negeri-negeri yang berkaitan.⁶

Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya. Ini termasuklah orang-orang Islam sendiri. Tetapi undang-undang negeri boleh mengawal atau menyekat pengembang apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang yang menganuti Ugama Islam.⁶ Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 163, memperuntukkan bahawa sesiapa terkecuali di dalam tempat kediamannya

-
4. Tangku A. Rahman, dalam meresmikan Pentandingan Membaca Al-Quran, cendermata 'Pertandingan Membaca Al-Quran Ulangtahun ke 10', Jabatan Penerangan 1969, hal.8.
 5. Sebagai perbandingan lihat kes Re Maria Menado, mengenai bidangkuasa dan Syariah Singapura, lihat juga peruntukan kod no.1, 1966, bab. 17(1), hal. 13, Kelantan.
 6. Perlembagaan Persekutuan, perkara 11(4), hal.27.

sendiri dan dihadapan ahli-ahli rumahnya sahaja, mengajar atau bertujuan hendak mengajar hukum Ugama Islam dengan tiada mempunyai tauliah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, adalah melakukan kesalahan. Begitu juga jika dengan tujuan mengajar pengajian-pengajian salah. Sesiapa mengajar atau menghuraikan dihadapan orangramai sesuatu ajaran atau menjalankan sesuatu istiadat atau perbuatan yang bersangkutan dengan Ugama Islam dan berlawanan dengan Hukum Syarak adalah melakukan kesalahan.⁷ Begitu juga terhadap perkara-perkara seperti fatwa-fatwa selain daripada oleh Mufti atau Majlis, buku-buku Ugama yang salah dan dakyah-dakyah.⁸

Perkara 3(1) Perlembagaan antara lain menyatakan bahawa uagama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Begitu juga dalam soal pendapatan sesuatu ugama dan cara pendapatan itu dilaksanakan. Dalam soal ini tiada siapapun boleh dipaksa bayar apa-apa cukai jika pendapatan dari itu digunakan bagi maksud lain dari ugamanya sendiri.⁹

Walaupun di Malaysia ini terdapat perbezaan ugama yang secara tidak langsung membezakan pula antara ras-ras yang ada, tetapi dari segi

7. Undang-undang Radbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 166.

8. Ibid, seksyen 167, 168 & 169.

9. Op.cit., 11(2), hal. 27.

keugamaan ras-ras ini tidak dibezakan dalam apa-apa bidang socio-ekonomi dan pentadbiran.¹⁰

Tiap-tiap kumpulan ugama adalah berhak menubuh dan menyenggerakan institusi-institusi pelajaran kanak-kanak serta mengadakan di dalamnya ajaran-ajaran mengenai ugama kumpulan itu sendiri. Mengenai kewangan institusi ini Kerajaan Negeri atau Persekutuan boleh mengadakan bantuan khas kepada institusi-institusi Islam atau ajaran-ajaran yang bersabit dengannya.¹¹

Tiap-tiap pelajar, tidak boleh dibezakan berdasarkan kepada ugama mereka. Oleh itu dalam keadaan sekarang, kedapatan sekolah-sekolah kerajaan malah pada institusi-institusi pelajaran tinggi sendiri, mempunyai pelajar-pelajar dari berbagai ras-ras dan ugama. Soal ugama individu tidak disentuh sebaliknya pelaksanaan Pelajaran Kebangsaan yang diutamakan oleh pihak Kementerian Pelajaran itu. Justeru kerana kebebasan ini tiada se-siapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran apa-apa ugama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu ugama lain daripada ugamanya sendiri.¹²

10. Ibid, perkara 8(2), - cuma pada pelaksanaan rancangan itu kerajaan mahukan 30% bumiputera menceburkan diri dilapangan ekonomi dan pelajaran, sebagai dasar kerajaan menurut Rancangan Malaysia Kedua, 1972-1976.

11. Ibid, perkara 12(2).

12. Ibid, perkara 12(3).

keugamaan ras-ras ini tidak dibezaikan dalam apa-apa bidang sosio-ekonomi dan pentadbiran.¹⁰

Tiap-tiap kumpulan ugama adalah berhak menubuh dan menyenggerakan institusi-institusi pelajaran kanak-kanak serta mengadakan di dalamnya ajaran-ajaran mengenai ugama kumpulan itu sendiri. Mengenai kewangan institusi ini Kerajaan Negeri atau Persekutuan boleh mengadakan bantuan khas kepada institusi-institusi Islam atau ajaran-ajaran yang bersabit dengannya.¹¹

Tiap-tiap pelajar, tidak boleh dibezakan berdasarkan kepada ugama mereka. Oleh itu dalam keadaan sekarang, kedapatan sekolah-sekolah kerajaan malah pada institusi-institusi pelajaran tinggi sendiri, mempunyai pelajar-pelajar dari berbagai ras-ras dan ugama. Soal ugama individu tidak disentuh sebaliknya pelaksanaan Pelajaran Kebangsaan yang diutamakan oleh pihak Kementerian Pelajaran itu. Justeru kerana kebebasan ini tiada se-siapa pun boleh diwajibkan menerima ajaran apa-apa ugama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu ugama lain daripada ugamanya sendiri.¹²

10. Ibid, perkara 8(2), - cuma pada pelaksanaan rancangan itu kerajaan mahukan 30% bumiputera menceburkan diri dilapangan ekonomi dan pelajaran, sebagai dasar kerajaan menuzut Rancangan Malaysia Kedua, 1972-1976.

11. Ibid, perkara 12(2).

12. Ibid, perkara 12(3).

Jelas sekarang bahawa hubungan antara Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam soal Ugama Islam dan hukum-hukumnya bukan hak kerajaan Persekutuan. Cuma pada perkara-perkara yang menjadi hak bersama, maka kedapatan persamaan dalam proses melaksanakannya.¹³ Pelajaran dan ke-warganegaraan adalah hak Persekutuan oleh itu ugama tidak menyentuh sama sekali ini untuk membezakan individu-individu di Malaysia.

13. Ibid, Senarai Bersama.